

20/06/1998

Adakan reformasi segera atasi kegawatan

UMNO dan kerajaan perlu melaksanakan segera satu reformasi bertindak dalam usaha mengatasi segala masalah negara, kata Wakil Pulau Pinang, Abdul Latiff Mirasa.

Bagi mencapai matlamat itu, katanya, setiap pemimpin politik, pegawai kerajaan dan swasta harus turun padang untuk melihat serta memahami segala masalah rakyat akibat kegawatan sekarang.

"Masalah negara sekarang teruk dan tidak memadai dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad saja yang turun padang sebaliknya perlu dilakukan semua pemimpin.

"Bagaimanapun, program turun padang itu tidak perlu diadakan secara besar-besaran yang membabitkan peruntukan besar. Memadai ia dilakukan secara kecil atau sederhana asalkan matlamatnya untuk menyelami masalah rakyat tercapai," katanya membahas ucapan dasar Presiden.

Latiff berkata, kajian semula itu perlu kerana kaedah menangani masalah yang dihadapi negara sekarang berbeza dengan permasalahan sebelum ini.

Sebagai contoh, dalam mengatasi masalah kewangan yang ditimbulkan bank ketika ini, beberapa instrumen baru perlu diadakan bagi menggantikan peranan bank berkenaan.

"Presiden dan Timbalan Presiden yang juga Menteri Kewangan sentiasa bercakap bagaimana hendak minta bank, dengan lebih cepat, lebih kemas menyelesaikan masalah pinjaman khususnya kepada peniaga Bumiputera.

"Bagaimanapun, saya hairan. Kalau pemimpin besar, nombor satu, nombor dua dan Bank Negara asyik ingatkan bank tapi tak jalan juga ... kita kena bijak ... inilah yang saya katakan, satu pembaharuan kena berlaku," katanya.

Menurutnya, satu perkongsian modal boleh diwujudkan sebagai alternatif kepada bank dalam usaha menangani masalah kewangan ketika ini daripada terus memberi beratus juta kepada bank tetapi ia tidak disalurkan kepada peniaga Bumiputera.

(END)